



Jabatan Mufti Negeri Selangor

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN FALAK

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR





Jabatan Mufti Negeri Selangor

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN FALAK

ISI KANDUNGAN



TAJUK

HALAMAN

1. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Ilmu Falak?	1
2. Apakah Kepentingan Mempelajari Ilmu Falak?	1
3. Adakah Terdapat Kaitan Antara Ilmu Falak Dan Ilmu Menilik Nasib?	2
4. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Arah Kiblat?	3
5. Bagaimanakah Cara Menentukan Arah Kiblat?	4
6. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Istiwa A'dzam?	4
7. Benarkah Arah Kiblat Bersamaan Dengan Arah Matahari Terbenam?	4
8. Bolehkah Menentukan Kiblat Dengan Buruj di Langit?	5
9. Adakah Terdapat Panduan Berhubung Had Selisih Arah Kiblat Yang Dibenarkan?	5
10. Bolehkah Menggunakan Telefon Pintar Dalam Menentukan Arah Kiblat?	6
11. Adakah Jabatan Mufti Negeri Selangor Menerima Permohonan Penentuan Arah Kiblat Rumah Kediaman?	6
12. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Takwim?	7
13. Apakah Kepentingan Takwim Dalam Islam?	7
14. Apakah Ciri-Ciri Takwim Qamariyyah?	8

ISI KANDUNGAN



TAJUK

HALAMAN

15. Apakah Yang Dinamakan Hilal Dan Fasa-Fasa Bulan?	8
16. Apakah Jenis-Jenis Takwim Hijri?	9
17. Kenapa Masih Perlu Mencerap Hilal Sedangkan Boleh Membuat Hitungan Tepat?	9
18. Apakah Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawwal Dan Zulhijjah di Malaysia?	10
19. Kenapa Permulaan Bulan Dalam Islam Tidak Sama Bagi Semua Negara?	10
20. Bilakah Tarikh Sebenar Puasa Sunat Arafah? Adakah Mengikut Arab Saudi Atau Mengikut 9 Zulhijjah di Malaysia?	11
21. Bagaimana Ilmu Falak Menentukan Waktu Solat??	11
22. Apakah Tahap Ketepatan Falak Dalam Hitungan Waktu Solat?	12
23. Apakah Kaedah Yang Digunakan Dalam Menghitung Waktu Solat Di Selangor?	12
24. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Zon Waktu Solat?	13
25. Apakah Keperluan Waktu Imsak Dalam Takwim Waktu Solat?	13
26. Bilakah Permulaan Awal Waktu Dhuha?	14
27. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Sunat Isyraq Dan Bilakah Waktunya?	14
28. Apakah Tafsiran Waktu Solat Menurut Ilmu Falak?	16

**1. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Ilmu Falak?**

Ilmu falak merupakan ilmu yang berkaitan dengan posisi benda-benda langit, matahari, bulan, bintang dan sebagainya. Perkara ini dapat difahami melalui firman Allah dalam surah *Yāsīn* ayat ke-40 dan surah *al-Anbiyā'* ayat ke-33.

﴿لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ﴾ [يس : ٤٠]

Maksudnya: Tidaklah mungkin bagi matahari mendapatkan bulan dan malam pun tidak dapat mendahului siang. Dan masing-masing beredar pada garis edarnya. (*Yāsīn* : 40)

﴿وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ﴾ [الأنبياء : ٣٣]

Maksudnya: Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan. Masing-masing daripada keduanya itu beredar dalam garis edarnya. (*al-Anbiyā'* : 33)

Ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa matahari dan bulan bergerak dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Matahari tidak akan muncul pada waktu malam, manakala siang dan malam pula silih berganti antara satu dengan yang lain. Setiap sesuatu di langit itu beredar pada orbitnya tersendiri menurut ketentuan Allah SWT. Jelasnya, ilmu falak adalah ilmu yang membincangkan mengenai pergerakan jasad-jasad samawi khususnya bulan, matahari, bintang dan planet pada orbitnya tersendiri. Pada hari ini, ilmu falak lebih dikenali sebagai astronomi. Manakala skop kajian bidang falak ini terlalu luas kerana ia melibatkan alam cakerawala keseluruhannya. Bagaimanapun, skop ilmu falak di Malaysia khususnya falak syarie di jabatan-jabatan mufti tertumpu bagi tujuan penyempurnaan sesuatu ibadah khususnya bidang-bidang yang berkaitan penentuan waktu solat, penentuan arah kiblat, penentuan takwim hijrah, penetapan anak bulan dan gerhana matahari serta gerhana bulan.

**2. Apakah Kepentingan Mempelajari Ilmu Falak?**

Ilmu falak melibatkan pemerhatian dan kajian terhadap objek samawi termasuk mengetahui pergerakan matahari, bulan, bintang-bintang, planet dan sebagainya. Dalam pemerhatian alam semesta yang luas ini, manusia akan menyaksikan keagungan dan kebesaran Allah SWT .

Syariat Islam seperti solat, puasa, zakat dan haji mempunyai kaitan yang rapat dengan fenomena alam cakerawala seperti pergerakan bulan, bumi dan matahari. Hal ini disebabkan perlaksanaan ibadah dilaksanakan dalam batas masa tertentu. Batas masa ini menjadi syarat sah perlaksanaan ibadah tersebut. Tidak sah sesuatu ibadat jika dilakukan di luar waktunya. Justeru, penentuan masa bergantung kepada pergerakan

bumi, matahari dan bulan. Hubungan dan kaitan yang rapat di antara pelaksanaan ibadah dengan fenomena alam adalah satu perkara menarik dan mengandungi ciri istimewa yang menggambarkan keindahan, kesempurnaan dan kesejagatan agama Islam.

Selain itu, pengetahuan tentang objek langit khususnya bintang-bintang menjadi panduan dalam menentukan arah mata angin dan arah kiblat. Firman Allah SWT dalam surah *al-An'am* ayat ke-97:

﴿وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ قَدْ فَصَّلْنَا

الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ﴾ [الأنعام : ٩٧]

Maksudnya: Dan Dialah yang menjadikan bintang-bintang bagimu agar kamu menjadikannya petunjuk dalam kegelapan di darat dan di laut. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan tanda-tanda kebesaran(Kami) kepada orang-orang yang mengetahui. (*al-An'am*: 97)

Menurut Muhammad ibn Jabir al-Battani, antara tokoh ulung dalam dunia falak ketika menyatakan kepentingan ilmu falak dalam sejarah ketamadunan manusia berkata:

“Ilmu falak telah mendapat tempat yang amat istimewa berbanding ilmu-ilmu lain kerana dengannya manusia mampu menyusun takwim, mengenal pasti putaran masa dengan tepat, perubahan musim-musim, mengenal pasti perubahan masa dalam siang dan malam, menjangkakan lokasi dan masa berlakunya gerhana dan mencerap pergerakan planet dalam orbitnya. Namun yang lebih penting ialah semua kajian dan dapatan ilmu falak akan memimpin kita dalam menemui bukti dan fakta keagungan, kebijaksanaan dan Qudrah Yang Maha Pencipta SWT”.



3. Adakah Terdapat Kaitan Antara Ilmu Falak Dan Ilmu Menilik Nasib?

Pemerhatian terhadap bintang-bintang khususnya bintang 12 atau dikenali sebagai bintang zodiak kerap dikaitkan dengan amalan menilik nasib. Amalan ini merupakan satu kepercayaan kuno apabila pergerakan bintang-bintang tersebut dikaitkan dengan tarikh lahir seseorang, maka ia dapat memberi kesan terhadap manusia terutama melibatkan umur, kehidupan, pekerjaan, nasib baik buruk dan sebagainya. Perkara ini adalah satu kepercayaan yang karut dan tiada asasnya. Berbeza dengan ilmu falak, kita akan dapat mengetahui pergerakan dan peredaran objek langit sebagaimana yang dinyatakan menurut al-Quran, serta mengetahui hitungan tahun, masa dan waktu. Firman Allah SWT dalam surah *al-A'raf* ayat ke-188:

﴿قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ

لَأَسْتَكْثِرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ

يُؤْمِنُونَ﴾ [الأعراف : ١٨٨]

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman. (*Al-A'raf*: 188)

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَتَى كَاهِنًا، أَوْ عَرَّافًا، فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ، فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ

Maksudnya: Sesiapa yang datang menemui penilik atau peramal nasib lalu mempercayai apa yang diberitahu olehnya, maka dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad. (Riwayat Ahmad)



4. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Arah Kiblat?

Kiblat menurut bahasa adalah arah hadap. Manakala kiblat yang dimaksudkan adalah Kaabah. Menurut ilmu falak, kiblat merujuk kepada arah menghadap ke Kaabah di atas glob bulatan bumi mengikut jarak yang terdekat.

Para ulama sepakat menyatakan bahawa menghadap ke kiblat merupakan salah satu daripada syarat sah solat melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang dibenarkan seperti solat ketika dalam peperangan dan solat sunat dalam keadaan bermusafir. Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat ke- 150:

﴿وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ﴾ [البقرة: ١٥٠]

Maksudnya: Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. (*Al-Baqarah*: 150)

Justeru, arah kiblat tidak membawa makna lain melainkan arah yang wajib dihadapkan oleh setiap orang Islam ketika mengerjakan solat fardhu 5 waktu sehari semalam. Arah kiblat hendaklah diketahui secara yakin atau *qat'ie* khusus bagi mereka yang berada berhampiran dan dapat melihat bangunan Kaabah.

Para ulama berselisih pendapat mengenai seseorang yang berada jauh dari Makkah. Jumhur ulama selain ulama Mazhab Shafi'i berpendapat bahawa seseorang yang berada jauh dari Makkah memadai dengan menghadap *jihah* Kaabah dan tidak wajib menghadap *'ain* Kaabah. Manakala ulama Shafi'i berpendapat bahawa sebagaimana

seseorang yang berada hampir dengan Makkah hendaklah menghadap 'ain Kaabah secara yakin, maka seseorang yang berada jauh dari Makkah juga hendaklah menghadap 'ain Kaabah tetapi secara *dzan*.

Jihah bererti had berpaling yang dibenarkan daripada kiblat adalah lebih luas berbanding 'ain Kaabah.



5. Bagaimanakah Cara Menentukan Arah Kiblat?

Menentukan arah kiblat boleh dilakukan dengan pelbagai cara. Secara asasnya, seseorang itu perlu mengetahui nilai azimut kiblat bagi lokasi kedudukannya. Di Malaysia, nilai azimut adalah antara 291 darjah hingga 293 darjah. Justeru kaedah penentuan arah kiblat adalah dengan menggunakan peralatan kompas, kaedah *istiwa' a'dzam*, kaedah lintasan matahari se arah kiblat, kaedah pedoman suria (kaedah mendapatkan arah kiblat melalui kedudukan matahari harian), kaedah matahari terbit dan terbenam serta kaedah buruj bintang.



6. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan *Istiwa' A'dzam*?

Berdasarkan perubahan arah terbit dan terbenam matahari di atas muka bumi ini, maka matahari akan melalui di atas Kaabah dan berada pada kedudukan *istiwa'* dua kali dalam satu tahun iaitu pada 28 Mei (jam 5:16 petang) dan 16 Julai (jam 5:28 petang) pada tahun-tahun biasa dan pada 27 Mei dan 15 Julai pada tahun-tahun lompat. Pada ketika ini, semua bayang-bayang sesuatu objek tegak yang kelihatan akan menghala ke arah Kaabah.



7. Benarkah Arah Kiblat Bersamaan Dengan Arah Matahari Terbenam?

Dalam kaedah tradisional, kedudukan matahari ketika terbenam boleh menjadi panduan dalam menentukan arah kiblat. Walau bagaimanapun, disebabkan azimut matahari terbenam di Malaysia berubah-ubah pada azimut 240° sehingga 295° , kaedah ini tidak sesuai digunakan kecuali jika diketahui nilai perbezaan azimut matahari terbenam dengan azimut kiblat. Tanpa pengetahuan sudut perbezaan ini, arah kiblat yang digunakan kemungkinan akan berselisih melebihi 50° . Jadual di bawah merupakan nilai pembetulan yang perlu dibuat berdasarkan kedudukan matahari ketika terbenam. Ketika bulan Jun dan Julai, nilai perbezaan sudut antara arah kiblat dan arah matahari terbenam adalah kecil dan sesuai dijadikan panduan dalam menentukan arah kiblat.

Bulan	Anggaran Arah Kiblat Dari Matahari Terbenam
Januari	Ke kanan 45°
Februari	Ke kanan 40°
Mac	Ke kanan 25°
April	Ke kanan 15°
Mei	Ke kanan 5°
Jun	Ke kiri 1°
Julai	Ke kanan 1°
Ogos	Ke kanan 5°
September	Ke kanan 15°
Oktober	Ke kanan 30°
November	Ke kanan 40°
Disember	Ke kanan 45°



8. Bolehkah Menentukan Kiblat Dengan Buruj Di Langit?

Terdapat satu buruj yang sering dikaitkan dengan arah kiblat, iaitu Buruj *Orion* atau Belantik. Buruj ini akan berada di tengah langit ketika waktu Maghrib antara bulan Januari hingga bulan Mac. Bintang-bintang yang berada di dalam buruj ini agak terang dan mudah dilihat. Buruj ini mempunyai 3 bintang yang sebaris menghala hampir ke arah Barat Laut iaitu arah kiblat. Walau bagaimanapun, kaedah Buruj *Orion* ini hanya sesuai bagi negara yang berada pada azimut kiblat antara 290° hingga 295° seperti Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia dan selatan Thailand.



9. Adakah Terdapat Panduan Berhubung Had Selisih Arah Kiblat Yang Dibenarkan?

Jawatankuasa Falak Negeri Selangor telah mengambil maklum berhubung isu yang berbangkit dan memutuskan bahawa:-

- Bagi panduan individu yang mendirikan solat, kadar selisih arah kiblat tidak ditentukan kerana nas yang memberikan keluasan selagi mana arah kiblat tidak berada di kiri atau di kanannya.
- Bagi panduan bangunan seperti masjid, surau dan tapak perkuburan, kadar 3° dapat digunakan sebagai panduan selisih arah kiblat berdasarkan kemampuan peralatan falak dalam membuat pengiraan dan pengukuran yang lebih tepat.
- Bagi masjid dan surau yang diubah *jihah* kiblatnya, solat yang telah dilakukan sebelum perubahan kiblat tersebut tidak perlu diqada kerana perubahan itu juga atas dasar *dzon*.

- iv. Bagi perkuburan yang diubah *jihah* kiblatnya, wajib jenazah yang dikebumikan di tapak perkuburan itu dipalingkan semula ke arah *jihah* kiblat yang baharu, kecuali jika jenazah itu sudah rosak dan berubah.

**10. Bolehkah Menggunakan Telefon Pintar Dalam Menentukan Arah Kiblat?**

Pada zaman ini, alat yang paling mesra pengguna dalam kalangan masyarakat pada menentukan arah kiblat ialah penggunaan telefon pintar. Hal ini kerana, setiap orang memiliki telefon pintar untuk tujuan komunikasi di samping ia mudah dibawa ke mana-mana serta mudah diakses dengan internet. Pada masa kini, telefon pintar merupakan alat yang sangat penting dalam kehidupan manusia kerana fungsi utama telefon adalah untuk memberi kemudahan komunikasi antara dua pihak yang berada jauh di antara satu sama lain.

Di samping itu, wujudnya kemudahan internet menyebabkan fungsi telefon pintar berkembang pesat serta tidak terhad hanya kepada kemudahan komunikasi semata-mata. Salah satu fungsi telefon pintar selepas wujudnya internet dalam alat tersebut ialah kemudahan mengakses aplikasi arah kiblat dengan mudah. Ia dilihat mampu memberi manfaat yang sangat besar kepada masyarakat Muslim kerana menerusi aplikasi tersebut, masyarakat dapat menentukan arah kiblat walau di mana mereka berada pada bila-bila masa tanpa had sempadan.

Terdapat banyak aplikasi arah kiblat dihasilkan dalam telefon pintar untuk tujuan penentuan arah kiblat. Berdasarkan carian menerusi perkataan “qibla” atau “kiblat” dalam *Google Play Store*, menunjukkan terdapat pelbagai aplikasi kiblat yang terpapar daripada pelbagai *developer* sama ada persendirian atau syarikat-syarikat tertentu. Setiap aplikasi tersebut memiliki ciri-ciri yang berbeza antara satu sama lain. Dengan kemajuan teknologi masa kini, menentukan arah kiblat bukanlah satu tugas yang sukar. Namun seseorang perlu mengetahui kaedah atau fungsi aplikasi yang ingin digunakan.

Jabatan Mufti Negeri Selangor mencadangkan aplikasi yang dibangunkan oleh jabatan ini iaitu **e-Falak Selangor** bagi menyemak arah kiblat, waktu solat dan tarikh *hijri*. Aplikasi ini juga memberi kemudahan kepada permohonan arah kiblat di premis awam selain dari rumah kediaman. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Google Play Store* atau melayari pautan <https://efalak.muftiselangor.gov.my>

**11. Adakah Jabatan Mufti Negeri Selangor Menerima Permohonan Penentuan Arah Kiblat Di Rumah Kediaman?**

Peranan Jabatan Mufti Negeri Selangor adalah melakukan penentuan arah kiblat bagi masjid, surau, *musolla*, premis awam, pejabat, ruang solat awam, dan tanah perkuburan Islam. Bagi rumah kediaman, masyarakat boleh berhubung terus dengan Persatuan Ahli Falak Negeri Selangor yang telah diberikan kebenaran oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk memberi perkhidmatan menentukan arah kiblat rumah kediaman.

**12. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Takwim?**

Takwim atau kalendar boleh ditakrifkan sebagai satu rekod perjalanan waktu atau sistem susunan masa yang membahagikan tahun menjadi bulan, bulan menjadi minggu dan minggu menjadi hari. Peranan takwim dalam kehidupan manusia sangat penting. Ia merupakan sistem masa yang berkait rapat dengan aktiviti sosial dan keagamaan bagi membantu manusia mentadbir kehidupan seharian. Terdapat 3 jenis takwim iaitu takwim yang berasaskan kepada perubahan kedudukan bulan (takwim *qamariyyah*), takwim yang berasaskan perubahan pergerakan matahari (takwim *syamsiyyah*) dan takwim yang disesuaikan berasaskan perubahan kedudukan bulan dan pergerakan matahari (*luni solar*).

**13. Apakah Kepentingan Takwim Dalam Islam**

Takwim memainkan peranan yang amat kritikal dalam pengurusan kehidupan manusia. Ia merupakan sistem masa yang berkait rapat dengan aktiviti sosial dan keagamaan serta urusan pentadbiran kehidupan seharian manusia bergantung kepadanya. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

﴿وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَاتَيْنِ ۖ فَمَحَوْنَا آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ مُبْصِرَةً ۖ لِّتَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ ۚ وَكُلُّ شَيْءٍ فَصْلَانُهُ تَفْصِيلًا ۝۱۲﴾ [الإِسْرَاءُ : ١٢]

Maksudnya: "Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan kekuasaan Kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap gelita), dan Kami jadikan tanda siang itu terang benderang, supaya kamu mudah mencari rezeki dari limpah kurnia Tuhan kamu, dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari); Dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan agama kamu), Kami telah terangkan dia satu persatu (dalam al-Quran) dengan se jelas-jelasnya". (*Al-Isra'*: 12)

Takwim Hijriah digunakan oleh umat Islam dalam menentukan segala hari kebesaran, haul zakat, tempoh iddah, umur baligh dan segala ibadah dalam Islam perlu merujuk kepada tahun Hijriah. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهِلَّةِ ۖ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَاجِّ ۝۱۸﴾ [البَقَرَةُ : ١٨٩]

Maksudnya: "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya ibadat haji....". (*Al-Baqarah*: 189)

Kepentingan penggunaan takwim dapat dilihat dalam permasalahan yang ada kaitan secara langsung dengan fiqh. Antara persoalan fiqh yang mempunyai hubungkait dengan penggunaan takwim *hijri* adalah persoalan tempoh *hawl*, tempoh *iddah*, tempoh mengandung, *baligh*, *hadanah*, penyusuan dan hukum hakam yang merujuk kepada perkiraan umur sama ada yang melibatkan manusia atau binatang ternakan.



14. Apakah Ciri-Ciri Takwim *Qamariyyah*?

Takwim *Qamariyyah* atau dikenal juga dengan Takwim *Hijri*. Menurut Takwim *Hijri*, jumlah bulan dalam setahun adalah 12 bulan iaitu bulan Muharram, Safar, Rabi'ul Awwal, Rabi'ul Akhir, Jumadal Ula, Jumadal Akhirah, Rajab, Sya'ban, Ramadhan, Syawal, Zulqa'dah dan Zulhijjah. Firman Allah SWT dalam surah *at-Taubah* ayat ke-36:

﴿إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ﴾ [التَّوْبَةُ : ٣٦]

Maksudnya: Sesungguhnya jumlah bulan menurut Allah ialah dua belas bulan, (sebagaimana) dalam ketetapan Allah pada waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya ada empat bulan haram. (*At-Taubah*: 36)

Bilangan hari bagi setiap bulan *Qamariyyah* mengandungi 29 atau 30 hari bergantung kepada bila berlakunya ijtimak dan kewujudan/kenampakan hilal pada penghujung bulan *Qamariyyah* hari ke-29 setiap bulan *Hijri* mengikut syarat-syarat tertentu.

Hari di dalam perkiraan Takwim *Hijri* bermula dari waktu matahari terbenam, manakala perkiraan Kalendar *Miladi* adalah bermula pada jam 12.00 tengah malam. Dalam setahun, Takwim *Hijri* mempunyai 354.36 hari, berbeza 10 atau 11 hari daripada jumlah hari dalam Kalendar *Miladi*.



15. Apakah Yang Dinamakan *Hilal* Dan Fasa-Fasa Bulan?

Hilal atau biasa disebut dengan anak bulan adalah salah satu daripada fasa-fasa bulan. Fasa bulan ialah peringkat perubahan bentuk bulan yang bercahaya sepanjang pusingannya mengelilingi bumi iaitu sebulan ijtimak. Oleh kerana bumi beredar mengelilingi matahari di satah ekliptik, maka kedudukan bumi relatif dengan kedudukan bulan dan matahari sentiasa berubah-ubah. Perubahan ini mengakibatkan permukaan bulan yang bercahaya dilihat dari bumi dalam keadaan yang berbeza-beza bentuk. Akibatnya terjadilah fasa-fasa bulan.

Dalam tempoh peredaran bulan, wujud empat fasa utama bulan yang dapat dilihat dari bumi:

1. Fasa Pertama : Bulan baharu / *Hilal*
2. Fasa Kedua : Bulan pada suku pertama

SOALAN-SOALAN LAZIM

3. Fasa Ketiga : Bulan pada suku kedua (bulan purnama)
4. Fasa keempat : Bulan pada suku ketiga

Oleh itu, *hلال* adalah fasa pertama daripada fasa-fasa bulan iaitu cahaya bulan pertama yang kelihatan selepas berlakunya ijtimak. Atau disebut juga sebagai bulan sabit muda pertama yang dapat dilihat setelah terjadinya ijtimak pada arah dekat matahari terbenam menandakan permulaan bulan baharu dalam kalendar Islam. *Hلال* diamati pada hari ke-29 dari bulan Islam untuk menentukan apakah hari berikutnya sudah terjadi pergantian bulan baharu atau belum.



16. Apakah Jenis-Jenis Takwim Hijri ?

Secara umumnya, Takwim *Hijri* berdasarkan kepada peredaran bulan, namun secara praktikalnya ia terbahagi kepada beberapa jenis seperti berikut:

- **Takwim Istilahi**
Bilangan hari bagi bulan-bulan yang terdapat di dalam takwim ini disusun berselang-seli 30 dan 29 hari.
- **Takwim Ijtimak Hakiki**
Takwim yang berdasarkan kepada sistem ijtimak bumi-bulan-matahari yang mana penentuan awal bulan dikira berpandukan ketika berlakunya ijtimak. Apabila ijtimak berlaku sebelum matahari terbenam, maka sejak terbenamnya matahari itulah dikira awal bulan yang baharu. Sebaliknya jika ijtimak berlaku selepas terbenam matahari, maka keesokkan harinya disempurnakan menjadi 30 haribulan.
- **Takwim Wujudul Hilal**
Takwim yang berasaskan sistem ijtimak bumi-bulan-matahari, yang mana penentuan awal bulan dikira berdasarkan hitungan dengan wujudnya hilal di atas ufuk ketika matahari terbenam. Sekiranya *hilal* wujud selepas matahari terbenam, maka keesokan harinya dikira sebagai bulan yang baharu. Namun, sekiranya *hilal* tidak wujud selepas matahari terbenam, maka keesokan harinya disempurnakan menjadi 30 haribulan.
- **Takwim Imkan ar-Ru'yah**
Takwim *Imkan ar-Ru'yah* adalah berasaskan sistem ijtimak bumi-bulan-matahari, yang mana penentuan bagi setiap awal bulan *Hijri* adalah dengan menetapkan syarat-syarat tertentu yang mesti dipenuhi bagi mensabitkan permulaan bulan baharu seperti ketinggian hilal dan elongasi bulan-matahari yang perlu dipenuhi. Syarat-syarat ini atau disebut sebagai kriteria adalah berbeza mengikut sesebuah negara.



17. Kenapa Masih Perlu Mencerp Hilal Sedangkan Boleh Membuat Hitungan Tepat?

Syarak menetapkan kaedah umum bagi penetapan awal bulan Islam. Hal ini berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat ke-185:

﴿فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ﴾ [البَقَرَةُ : ١٨٥]

Maksudnya: Barangsiapa dari antara kamu yang menyaksikan bulan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu. (*Al-Baqarah*: 185)

Begitu juga hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الشَّهْرُ تِسْعٌ وَعِشْرُونَ فَلَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْهُ وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدِرُوا لَهُ

Maksudnya: Satu bulan mengandungi 29 hari, oleh itu jangan kamu berpuasa hingga kamu melihat anak bulan (Ramadhan) dan jangan kamu berbuka (berhari raya) hingga kamu melihat *hلال*. Jika *hلال* terlindung daripada pandangan maka sempurnakan bilangan bulan tersebut. (Riwayat Muslim)

Para ulama berpandangan proses melihat *hلال* adalah fardhu kifayah yang mesti dilaksanakan dalam mensabitkan permulaan Ramadhan dan Syawwal berdasarkan dalil-dalil di atas. Justeru, menjadi kewajiban pihak pemerintah bagi memastikan kefardhuhan ini terlaksana dengan pelantikan Jawatankuasa Melihat Anak Bulan di setiap negeri.



18. Apakah Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawwal Dan Zulhijjah Di Malaysia?

Penentuan awal bulan Ramadhan, Syawwal dan Zulhijjah di Malaysia adalah berdasarkan kriteria kebolehnampakan *hلال* atau disebut sebagai *Imkan ar-Ru'yah*. Kriteria *Imkan ar-Ru'yah* adalah:

Sebelum matahari terbenam, ijtimaq telah berlaku pada 29 haribulan *Hijri* dan melalui perkiraan kewujudan *hلال* adalah positif serta dapat memenuhi syarat-syarat berikut:

- Ketika matahari terbenam, ketinggian *hلال* di atas ufuk tidak kurang dari 3° dan jarak lengkung *hلال*-matahari tidak kurang 6.4°

Walau bagaimanapun, tarikh sebenar permulaan puasa dan hari raya adalah berdasarkan perisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.



19. Kenapa Permulaan Bulan Dalam Islam Tidak Sama Bagi Semua Negara?

Ijtimaq ini penting dalam menentukan umur anak bulan kerana anak bulan akan kelihatan setelah berlakunya ijtimaq. Seperti umur manusia, ia mula dikira sejak bayi

dilahirkan dan umur semakin meningkat kepada hari, minggu, bulan, tahun dan seterusnya sehingga kepada satu tempoh yang tidak pasti iaitu kematian. Bagi bulan pula, umurnya bermula apabila setelah berlakunya ijtimak, kemudian meningkat kepada saat, minit, jam, hari dan seterusnya sehingga kepada satu tempoh yang tetap iaitu 29.5 hari. Setelah bulan berumur 29.5 hari, ijtimak seterusnya akan mengambil tempat untuk bulan berikutnya dan begitulah seterusnya. Umur bulan ini adalah berbeza-beza bagi setiap negara bergantung kepada kedudukan negara tersebut. Apabila semakin besar umur bulan maka semakin luas kawasan bulan yang bercahaya dan semakin tinggilah peluang untuk anak bulan kelihatan.

Sebagai contoh, Malaysia dan Arab Saudi akan melakukan cerapan anak bulan Syawal 1444H pada waktu maghrib, hari Khamis 20 April 2023/29 Ramadhan 1444H. Di Malaysia, data menunjukkan ijtimak berlaku pada jam 12.12 tengahari. Umur bulan ketika waktu maghrib (7.31 petang) lebih kurang 7 jam. Bagi negara Arab Saudi pula, ijtimak berlaku pada jam 5:55 pagi. Umur bulan ketika waktu maghrib (6.22 petang), lebih kurang 12 jam. Ini disebabkan oleh perbezaan masa antara negara Arab Saudi dengan Malaysia adalah sebanyak 5 jam. Oleh itu, bentuk sabit bulan di Arab Saudi lebih besar sedikit berbanding Malaysia. Peluang kenampakan anak bulan di Arab Saudi lebih baik berbanding Malaysia. Negara-negara yang berada di sebelah barat berpeluang melihat anak bulan lebih cerah berbanding negara yang terletak di sebelah timur.



20. Bilakah Tarikh Sebenar Puasa Sunat Arafah? Adakah Mengikut Arab Saudi Atau Mengikut 9 Zulhijjah di Malaysia?

Permulaan awal bulan Islam bergantung kepada kenampakan *hilal* dan data-data kedudukan bulan pada tarikh cerapan di satu-satu negara. Setiap negara mempunyai *matla' ru'yah* yang berbeza dan penentuan awal bulan di satu-satu negara tidak tertakluk kepada hasil kenampakan *hilal* di negara lain. Situasi ini termasuk penentuan awal bulan Zulhijjah walaupun berlakunya kenampakan di Arab Saudi. Umat Islam di Malaysia yang ingin melakukan puasa sunat Arafah hendaklah mengikut tarikh 9 Zulhijjah yang ditetapkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja berdasarkan kriteria *Imkan ar-Ru'yah*.



21. Bagaimana Ilmu Falak Menentukan Waktu Solat?

Al-Quran dan Hadis merupakan sumber utama yang memberi penerangan dan huraian berhubung bermula dan berakhirnya setiap waktu solat. Ianya merupakan wahyu dan ketetapan syarak yang perlu dipatuhi oleh setiap Muslim. Penentuan waktu solat yang lima tertakluk kepada garis panduan nas syarak dan diperincikan dengan lebih lanjut melalui perbincangan para mujtahid. Nas-nas tersebut diterjemahkan secara ilmiah dalam bentuk tafsiran falak melalui kajian dan penyelidikan agar tidak lari daripada kehendak syarak sebagaimana yang telah ditetapkan. Contohnya, waktu Maghrib bermula dengan terbenamnya matahari berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Salamah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي الْمَغْرِبَ إِذَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah SAW solat Maghrib apabila matahari telah terbenam ... (Riwayat Muslim)

Manakala menurut tafsiran ilmu falak, terbenam matahari bermaksud apabila piring atas matahari terbenam keseluruhannya di ufuk barat. Keadaan ini berlaku ketika kedudukan matahari berada di bawah ufuk dengan jarak zenit matahari yang dihitung adalah, $z = 90^\circ 50'$ atau 90.83333 . Nilai 90° adalah nilai sudut tepat. Manakala nilai $50'$ didapati berdasarkan nilai sudut semidimeter matahari bersamaan $16'$ ($SD=16'$) dan nilai pembiasan atmosfera ($R=34'$).



22. Apakah Tahap Ketepatan Falak Dalam Hitungan Waktu Solat?

Hitungan falak terhadap pergerakan bumi, bulan dan matahari telah mencapai ketepatan yang boleh dipercayai. Fenomena yang berlaku seperti gerhana matahari dan bulan membolehkan semakan terhadap hitungan falak dilakukan. Setiap waktu solat yang dihitung berdasarkan ilmu falak telah melalui kajian pemerhatian untuk tempoh masa yang panjang sebelum dapat diaplikasikan dalam masyarakat. Di antara kajian berkaitan waktu solat adalah kajian terbit dan terbenam matahari, kajian matahari transit, kajian tempoh masa pergerakan matahari gelincir, kajian pengukuran panjang bayang, kajian pembiasan ufuk dan kajian kecerahan langit.

Sesungguhnya tokoh ilmuwan Islam terdahulu seperti Ibn Shathir (704-777), al-Khawarizmi (790-863M), Ibn Yunus (950-1009M), al-Biruni (973-1048M) dan al-Marrakusy (1256-1321M) telah memberi sumbangan yang besar dalam mengkaji pergerakan matahari dan merekodkannya dalam bentuk jadual. Jadual-jadual tersebut benar-benar memberi kesan mendalam dalam dunia astronomi pada hari ini.



23. Apakah Kaedah Yang Digunakan Dalam Menghitung Waktu Solat Di Selangor?

Jadual waktu solat Negeri Selangor yang dibentuk adalah mengambil kira kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ciri-ciri jadual waktu solat Negeri Selangor adalah seperti berikut:

i. Asas Hitungan

Hitungan adalah mengguna pakai kaedah hitungan dengan berpandukan Almanak Falak Syar'ie dan perisian yang dibekalkan oleh pihak JAKIM.

ii. Ihtiyat Dalam Hitungan

Konsep pembulatan waktu digunakan bagi setiap waktu solat yang dihitung. Bagi waktu Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak, waktu yang dihitung dibulatkan kepada tambahan minit yang terhampir. Manakala bagi syuruk, waktu yang dihitung dibulatkan kepada pengurangan minit yang terhampir.

**24. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Zon Waktu Solat?**

Waktu solat sebenar adalah waktu yang dihitung berdasarkan lokasi setempat umpamanya kampung seperti kampung Batu Belah di Klang atau pekan seperti Kapar atau Jeram. Manakala zon waktu solat pula adalah kumpulan beberapa kampung atau pekan atau daerah yang mempunyai waktu yang sama atau hampir disatukan menjadi satu zon waktu solat seperti daerah Gombak dan Petaling yang mempunyai waktu solat yang hampir sama atau berselisih dalam julat waktu yang dianggap berpatutan agar menjadi satu zon waktu solat.

Bagi negeri Selangor, zon waktu solat semasa dibahagikan kepada 3 zon iaitu:-

Zon 1 : Meliputi daerah Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang dengan titik rujukan adalah Kampung Gedangsa (latitud: $3^{\circ} 44'$, longitud: $101^{\circ} 23'$).

Zon 2 : Meliputi daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor dengan titik rujukan di Balai Cerap Selangor (latitud: $3^{\circ} 49'$, longitud: $100^{\circ} 49'$).

Zon 3: Meliputi daerah Klang dan Kuala Langat dengan titik rujukan di Pulau Ketam (latitud: $3^{\circ} 01'$, longitud: $101^{\circ} 15'$).

**25. Apakah Keperluan Waktu Imsak Dalam Takwim Waktu Solat?**

Keperluan kepada waktu imsak akan dapat difahami dengan mudah apabila kita mengetahui bagaimana hitungan waktu solat dibuat dan bagaimana proses mewujudkan waktu solat sebagaimana paparan dalam jadual-jadual waktu solat terbitan Jabatan Mufti Negeri-negeri mahupun waktu yang dipaparkan pada jam-jam digital di masjid-masjid dan surau-surau.

Hitungan waktu solat hari ini menggunakan sepenuhnya pengetahuan dalam ilmu falak berdasarkan pengetahuan dalam pergerakan matahari harian. Benar, kita mampu menghitung secara tepat atau disebut sebagai *hisab qat'ie*. Namun, pada akhirnya waktu tersebut akan dibundarkan kepada minit terhampir yang lebih lewat. Contohnya, apabila kita menghitung waktu Subuh adalah pada pukul 06 jam 05 minit 10 saat, maka waktu tersebut akan dibundarkan kepada 06 jam 06 minit. Dalam masa yang sama, terdapat juga tambahan waktu *ihthiyat* 2 minit yang dibenarkan kepada waktu solat yang dibundarkan. Akhirnya, masyarakat awam akan memperolehi waktu Subuh pada pukul 06 jam 08 minit.

Dengan mengambil kira konsep zon waktu solat masa kini, kewujudan waktu imsak adalah sesuatu yang perlu terutama bagi zon waktu solat yang melibatkan kawasan di sebelah timur dan kawasan di sebelah barat yang besar perbezaan waktu solatnya. Sebagai contoh bagi zon 1 Negeri Selangor yang melibatkan daerah Hulu Selangor, Gombak, Petaling Jaya, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang. Waktu solat yang dihitung merujuk kepada Kampung Gedangsa, Hulu Selangor iaitu waktu solat yang paling lewat dalam zon tersebut. Bagi penduduk di sebelah timur dalam zon tersebut

seperti di Gombak dan Ampang, berdasarkan hitungan falak, waktu Subuh mereka adalah lebih awal daripada waktu yang diterbitkan menurut zon tersebut. Justeru, pelaksanaan waktu imsak adalah perlu bagi menjaga kemaslahatan penduduk dalam zon waktu solat tersebut agar puasa mereka benar-benar mengikut waktu yang ditetapkan oleh syarak.

Kesimpulannya, beramal dengan waktu imsak dalam memulakan puasa sesungguhnya tidak akan mengurangkan barakah dan pahala melewati sahur kerana dalam masa yang sama bagi masyarakat awam secara tepatnya mereka tiada kemampuan untuk mengetahui waktu *imsa' shar'iy* yang sebenarnya iaitu bermula pada waktu fajr sebenar melainkan mereka mampu melakukan hitungan falak dalam menentukan waktu solat tempat kediamannya. Diriwayatkan daripada Anas bahawa Zaid bin Tsabit RA berkata:

تَسَحَّرْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ قُلْتُ كَمْ كَانَ بَيْنَ الْأَذَانِ وَالسَّحُورِ قَالَ قَدَرُ خَمْسِينَ آيَةً

Maksudnya: Kami dulu pernah bersahur bersama Nabi SAW kemudian Nabi SAW bangun mengerjakan solat subuh. Aku bertanya, “Berapa kadar masa antara waktu sahur mereka dan masuknya mereka untuk bersolat?” Dia berkata, ‘Kadar bacaan sebanyak lima puluh ayat.’ (Riwayat Al-Bukhari)



26. Bilakah Permulaan Awal Waktu Dhuha?

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagaimana dinyatakan dalam buku Kaedah Panduan Falak Syarie, waktu dhuha ditafsir secara astronomi sebagai waktu syuruq ditambah dengan satu pertiga perbezaan waktu antara waktu syuruq dan waktu subuh. Berdasarkan ketetapan ini, awal waktu dhuha adalah apabila matahari berada pada kedudukan 6° berdasarkan parameter kedudukan matahari -18° di bawah ufuk bagi penentuan awal waktu subuh.

Jawatankuasa Falak Negeri Selangor Bil.2 Tahun 2021 setelah mengambil kira asas-asas pertimbangan dan berdasarkan kaedah hitungan yang ditetapkan oleh pihak JAKIM memutuskan awal waktu dhuha adalah 25 minit selepas terbit matahari.



27. Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Solat Sunat Isyraq Dan Bilakah Waktunya?

Syarak menetapkan beberapa waktu yang dikategorikan sebagai waktu larangan mengerjakan solat sunat iaitu ketika matahari mula terbit sehingga ia naik pada kadar tertentu, ketika matahari tegak (terpacak) sehingga gelincir dan ketika matahari hampir terbenam. Hadis daripada Abu Hurairah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الصَّلَاةِ بَعْدَ الْعَصْرِ حَتَّى تَغْرُبَ الشَّمْسُ، وَبَعْدَ الصُّبْحِ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ.

SOALAN-SOALAN LAZIM **BERKAITAN FALAK**

Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang dari mengerjakan solat selepas Asar sehingga terbenam matahari dan solat selepas Subuh sehingga terbit matahari. (Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini menjelaskan dua waktu larangan bagi mengerjakan solat sunat iaitu salah satunya adalah selepas solat Subuh sehingga naik matahari. Para ulama' berbeza pandangan berhubung waktu sebenar kadar naiknya matahari. Berkata at-Thiibi dalam menjelaskan kadar naiknya matahari sebagaimana dinukilkan dalam kitab *Mir'atul Mafatih*:

ثم صلى بعد أن ترتفع الشمس قدر رمح حتى يخرج وقت الكراهة، وهذه الصلاة تسمى صلاة الإشراق، وهي أول الضحى

Kemudian seseorang mengerjakan solat selepas naik matahari kadar segalah sehingga keluar waktu *al-karahah* (makruh). Solat ini dinamakan solat Isyraq dan ia adalah awal waktu Dhuha.

Ulama' berbeza pandangan berhubung solat sunat Isyraq dan solat sunat Dhuha. Sebahagian ulama' termasuk *qaul muktamad* mazhab Syafie berpandangan keduanya adalah solat sunat yang sama. Manakala, sebahagian yang lain berpandangan solat sunat Isyraq dan solat sunat Dhuha adalah solat sunat yang berbeza. Solat sunat Isyraq adalah solat sunat dua rakaat yang dilakukan di awal waktu Dhuha.

Ahli-ahli falak alam Melayu membahagikan waktu Dhuha kepada Dhuha Kecil dan Dhuha Besar. Dhuha Kecil adalah permulaan waktu yang diharuskan untuk solat sunat selepas waktu larangan solat sunat. Waktu ini juga difafsirkan sebagai waktu bagi mengerjakan solat sunat Isyraq. Berdasarkan beberapa buah kitab falak dalam bab hitungan waktu solat, waktu solat sunat Isyraq atau disebut sebagai Dhuha Kecil adalah apabila kedudukan matahari berada pada ketinggian antara 4° 30' dan 5° daripada ufuk timur. Berikut merupakan hitungan ketinggian matahari bagi Dhuha Kecil berdasarkan beberapa kitab falak alam Melayu:

Bil	Nama Kitab	Ketinggian Matahari	Purata Tempoh Masa Selepas Terbit Matahari
1	<i>Taqrib al-Maqsad</i>	4° 30'	18 minit
2	<i>Al-Muhtasor al-Muhazzab</i>	4° 42'	19 minit
3	Pedoman Bahagia	5°	20 minit
4	<i>Syams al-Fathiyyah</i>	5°	20 minit
5	<i>Nail al-Mathlub</i>	5°	20 minit
6	<i>al-Jawahir al-Thaminah</i>	5°	20 minit
7	Bantuan Anak Bangsa	5°	20 minit
8	<i>Syams al-Fathiyyah</i>	5°	20 minit

Dhuha Kecil Menurut Kitab Falak Alam Melayu

Di samping itu, menurut *Dar al-Ifta'* Mesir, waktu solat sunat Isyraq adalah matahari berada pada kadar segalah selepas terbit iaitu lebih kurang $\frac{1}{4}$ jam atau 15 minit. Manakala menurut *Islamweb*, keputusan fatwa bilangan 126653 menyatakan waktu solat sunat Isyraq ialah kadar waktu 12 minit hingga 15 minit selepas terbit matahari. Tempoh 15 minit adalah dianggap lebih berhati-hati.

Setelah merujuk beberapa pandangan dalam kitab-kitab yang membahaskan tentang penentuan waktu solat sunat Isyraq, Mesyuarat Jawatankuasa Falak Selangor Bil.3

Tahun 2023 memutuskan kitab *Taqrir as-Sadidat fi al-Masa'il al-Mufidat* karangan Hassan bin Ahmad bin Muhammad bin Salim al-Kaf dijadikan sebagai asas dalam menentukan permulaan waktu solat sunat Isyraq. Tempoh segalah yang dijelaskan dalam kitab ini ialah 16 minit selepas Syuruq iaitu pada kadar ketinggian matahari bersamaan 4° .

Kesimpulannya, waktu mengerjakan solat sunat Isyraq adalah bermula 16 minit selepas waktu terbit matahari atau selepas waktu Syuruq sepertimana dinyatakan dalam paparan waktu solat Negeri Selangor. Contohnya, waktu Syuruq pada 1 Januari 2024 bagi Zon 1 Negeri Selangor adalah pada jam 7:16 pagi maka awal waktu solat sunat Isyraq adalah pada jam 7:32 pagi.



28. Apakah Tafsiran Waktu Solat Menurut Ilmu Falak?

Firman Allah SWT dalam surah *al-Nisā'* ayat 103:

﴿فَإِذَا قُضِيَّتِ الصَّلَاةُ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَقُوعْدًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ فَإِذَا اطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا﴾ [النساء: ١٠٣]

Maksudnya: Maka apabila kamu telah menyelesaikan solat(mu), ingatlah Allah di waktu berdiri, di waktu duduk dan di waktu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa aman, maka dirikanlah solat itu (sebagaimana biasa). Sesungguhnya solat itu adalah fardu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman. (Surah *al-Nisā'* :103)

Berdasarkan ayat tersebut, perlu untuk kita mengetahui bahawa solat itu merupakan satu ibadah yang diwajibkan Allah kepada kita kaum muslimin dan mempunyai waktu-waktunya yang tertentu. Penjelasan tentang waktu-waktu solat tersebut tidak mungkin dapat diketahui jika hanya bersandarkan kepada dalil-dalil al-Quran semata-mata. Justeru, hadis yang merupakan percakapan, perbuatan atau *taqrir* Rasulullah SAW dalam sesuatu perkara mempunyai peranan yang amat penting sebagai panduan dalam menentukan kriteria yang perlu diambil kira bagi sesuatu waktu solat.

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN FALAK

Waktu solat dihitung berdasarkan kedudukan matahari harian. Ia bermula dengan hitungan kedudukan matahari berada di titik zenit, kemudian turun sedikit demi sedikit sehingga terbenam. Seterusnya, perubahan kedudukan matahari pada waktu malam dihitung berdasarkan perubahan warna serakan cahaya matahari sehinggalah ia terbit kembali.

Menurut ilmu falak, tafsiran waktu solat yang digunakan adalah merupakan beberapa perbezaan pandangan para fuqaha berhubung ketetapan sesuatu waktu itu dengan merujuk kepada kedudukan matahari harian. Setiap tafsiran yang dibuat diperjelaskan melalui ilmu falak bagi memudahkan hitungan dibuat. Waktu solat yang diperolehi melalui hitungan dianggap sebagai waktu sebenar bagi lokasi yang dihitung. Jadual di bawah menunjukkan tafsiran waktu solat menurut perspektif ilmu falak berdasarkan kriteria setiap waktu solat yang digariskan oleh para fuqaha.

Jadual Permulaan waktu solat menurut takrifan fuqaha dan tafsiran astronomi

Waktu	Takrifan Fuqaha	Tafsiran Astronomi
Zuhur	Gelincir matahari	Waktu <i>istiwa'</i> + Masa gelincir matahari
Asar	Bayang tiang menjadi sama panjang dengan tiang atau dua kali panjang dengan ditambah panjang bayang ketika <i>istiwa'</i>	$S = S_n + R$ / $S = S_n + 2R$ dimana, S = Panjang bayang Asar S_n = Panjang bayang <i>istiwa'</i> R = Panjang tiang
Maghrib	Terbenam matahari	Jarak zenit matahari pada kedudukan $90^\circ 50'$ di ufuk barat
Isyak	Hilang <i>syafaq ahmar</i> atau hilang <i>syafaq abyad</i>	Kedudukan sudut turunan matahari -18° di bawah ufuk sebelah barat mengikut kriteria Malaysia.
Subuh	Terbit <i>fajar sādiq</i>	Kedudukan sudut turunan matahari -18° di bawah ufuk sebelah timur mengikut kriteria Malaysia.



Jabatan Mufti Negeri Selangor

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN FALAK

Jabatan Mufti Negeri Selangor,
Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor